



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 10 MAC 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	MAQIS RAMPAS 200KG SAYURAN TANPA PERMIT, SINAR NEGERI KELANTAN, SH -30	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
2.	50 KOTAK BERISI IKAN LOLONG SEJUK BEKU DIRAMPAS, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -21	
3.	MAQIS RAMPAS PRODUK PERTANIAN HAMPIR RM100,000, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -21	
4.	NAFAS RUGI RM50 JUTA AKIBAT SALAH LAKU TADBIR, NASIONAL, MINGGUAN AMANAH -13	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Maqis rampas 200kg sayuran tanpa permit

RANTAU PANJANG - Cu-baan sebuah lori membawa masuk pelbagai jenis hasil pertanian tanpa permit import sah dengan menyembunyikannya di sebalik sayur-sayuran lain digagalkan Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Rantau Panjang di sini kelmarin.

Pengarah Maqis Negeri Kelantan, Mohd Azam Yahya berkata, pemeriksaan dijalankan di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) di sini mendapati sebuah lori membawa muatan sayur-sayuran seperti keledak, kacang tanah dan limau nipis seberat 200 kilogram (kg) bernilai RM2,500 tanpa permit import sah daripada Maqis.

Menurutnya, semasa rutin pemeriksaan dijalankan, lori berkenaan didapati menyembunyikan dagangan tanpa permit import di sebalik sayur-sayuran lain.

“Perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa mempunyai suatu permit yang sah daripada Maqis adalah kesalahan di bawah Seksyen 11(1), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta yang sama.



Anggota Maqis Kelantan menunjukkan hasil pertanian yang dirampas semasa pemeriksaan di ICQS Rantau Panjang kelmarin.

“Jika disabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Katanya, Maqis akan sentiasa memastikan keluaran pertanian yang diimport ke dalam negara tidak mempunyai sebarang perosak, penyakit atau bahan cemar serta mematuhi syarat dan peraturan yang sudah ditetapkan oleh kerajaan.

50 kotak berisi ikan lolong sejuk beku dirampas

TANJUNG KUPANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) berjaya menggagalkan cubaan membawa keluar ikan lolong sejuk beku tanpa permit eksport ke Singapura kelmarin.

Pengarah Maqis Johor, Nur Afifah A Rahman berkata, rampasan bernilai RM5,400 itu adalah hasil pemeriksaan ke atas sebuah lori yang dipandu oleh seorang lelaki di Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB), Johor Bahru.

"Kita mendapati terdapat 50 kotak berisi muatan ikan lolong sejuk beku seberat 10 kilogram setiap satu kotak dengan berat keseluruhan sebanyak 500 kilogram dalam pemeriksaan pada jam 11 pagi," katanya melalui kenyataan media di sini semalam.

Beliau berkata, pihaknya menahan ikan sejuk beku tersebut untuk tindakan lanjut.

"Kita juga akan mengenakan tindakan terhadap pemilik dagangan itu kerana tidak mempunyai permit eksport yang sah," katanya.

Menurutnya, perbuatan mengeksport ikan sejuk beku tanpa permit eksport yang sah dari Jabatan Maqis menjadi satu kesalahan mengikut Seksyen 11(2), Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang boleh dihukum mengikut Seksyen 11 (3) akta sama.

"Jika disabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Maqis rampas produk pertanian hampir RM100,000

SEPANG - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) merampas pelbagai jenis tumbuhan, binatang, ikan dan hasil pertanian berjumlah RM91,774.57 dalam Ops 2.0 di pintu masuk Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini pada Jumaat lalu.

Maqis dalam satu kenyataan berkata, antara kesalahan yang dikesan adalah kegagalan mengemukakan permit import dan eksport yang sah oleh pihaknya.

"Pengimport tidak patuh terhadap syarat-syarat permit, pengisytiharan dokumen yang mengelirukan dan ketidakpatuhan syarat-syarat penggredan, pembungkusan dan pelabelan (GPL).

"Rampasan yang dibuat ini juga termasuk rampasan 2,801

ekor ikan hiasan air tawar pelbagai spesies," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Menurutnya, kes akan diasas mengikut Seksyen 11(2) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] yang jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali.

Tegas Maqis, pihaknya sentiasa komited dalam menjalankan penguatkuasaan di pintu masuk negara ini bagi menjamin keselamatan keluaran pertanian, haiwan, karas, ikan, keluaran pertanian, tanih dan mikroorganisma yang masuk ke dalam negara dan mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan.



Antara yang dirampas Maqis dalam Ops 2.0 pintu masuk Kargo KLIA, Sepang pada Jumaat lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/3/2020	MINGGUAN AMANAH	NASIONAL	13

NAFAS rugi RM50 juta akibat salah laku tadbir

PERTUBUHAN Peladang Kebangsaan (NAFAS) dikesan mengalami kerugian RM50 juta akibat salah laku tadbir urus sebelum ini.

Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah (AJP) NAFAS, Datuk Phahrolrazi Mohd. Zawawi berkata, kerugian itu hasil audit forensik terhadap tujuh projek oleh firma audit terkenal antarabangsa bermula Mei hingga September tahun lalu.

"Kita mengakui terdapat banyak kesalahan dilakukan oleh AJP NAFAS yang telah digantung tugas pada Jun 2018.

"Ini memberikan kesan tanggungan dan bebanan yang besar terhadap satu juta ahli yang berdaftar di bawah NAFAS," katanya dalam sidang akhbar di Ibu Pejabat NAFAS 21 Februari lalu.

Phahrolrazi memberitahu, antara projek terlibat termasuk pembelian baja 40 tan metrik tanpa mengikut prosedur biasa tiga tahun lalu yang mengakibatkan kerugian RM20 juta.

Ujarnya, situasi itu menyebabkan NAFAS terpaksa menanggung kos simpanan stor baja sebanyak RM6 juta.

Selain itu, katanya, projek lain terlibat adalah pembelian ibu pejabat NAFAS pada tahun 2014 dengan harga RM59.8 juta walaupun tawaran asal pembelian ber-

jumlah RM48.5 juta.

"Kita juga mendapati AJP terdahulu membuat pembelian secara tergesa-gesa terhadap ladang kelapa sawit di Sungai Karap, Miri, Sarawak dengan nilai RM135 juta berbanding penilaian dilakukan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta mendapati nilai sebenarnya adalah RM122.8 juta.

"Akibatnya, ia telah membebankan NAFAS ketika ini yang terpaksa mengambil pinjaman bank bernilai RM100 juta dengan membayar lebih RM7 juta faedah hasil ladang itu," katanya.

Mengulas lanjut, beliau menjelaskan empat projek yang turut tersenarai adalah perjanjian pajakan Wisma Peladang, kecuaiian pembelian stok, pengagihan zakat perniagaan NAFAS kepada penerima tidak layak dan konflik kepentingan di NAFAS Feedmills Sdn. Bhd.

"Justeru, kita telah memaklumkan kesalahan-kesalahan dalam projek tersebut kepada Pendaftar Pertubuhan Peladang dan membuat laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

"Dalam memastikan kecekapan dan mengelakkan ketirisan pada masa depan, kerjasama telah dilakukan dengan SPRM dalam menempatkan pegawainya di NAFAS dalam masa terdekat," tegasnya.